

BUKAN SEKADAR TANAM SAYUR

■ Pelajar jurusan sains pertanian keliling dunia kongsi ilmu bersama penuntut di luar negara

Asrizal Aris

asrizal.aris@hmetro.com.my

Sudah menjadi lumrah bagi pelajar yang mengikuti jurusan sains pertanian, mereka sering menjadi bahan usikan kerana masyarakat beranggapan kursus yang diambil hanya mempelajari aktiviti menanam sayur, bercangkul, memetik buah dan sebagainya.

Namun, bagi pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) ini, kritikan itu hanya seketika apabila melalui kursus yang diambil itu, dia sudah mengelilingi dunia pada usia muda.

Siapa sangka, pertanian antara industri yang diutamakan kerajaan dan diterapkan melalui pendidikan di universiti seperti mengkaji statistik kimia tanah, patologi tumbuhan, biokimia, fisiologi tanaman dan sebagainya di luar negara.

Peluang itu tidak disiasikan Mohamad Syafiq Abdul Razak, 25, yang mula aktif dengan Simposium Pelajar Agrikultur Antarabangsa (IASS) sejak di semester satu lagi.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian semester akhir itu berkata, meskipun tidak pernah ke luar negara, dia tidak kekuk untuk berkongsi ilmu dan hasil pe-

»PENCAPAIAN

■ Duta pelajar Malaysia untuk Projek ASEAN di Universiti Prince Songkhla, Phuket

■ Mewakili negara Program Jangka Pendek ASEAN (ASSP) di Tokyo, Jepun

■ Delegasi Pengeluaran Moden dan Teknologi Molekular Pembiakan Padi di China

■ Anugerah Kejujutan Sijil Dekan dan Anugerah Sijil Naib Canselor (CGPA 4.00)

nyelidikan bersama pelajar di luar negara.

Katanya, program kajian tumbuhan yang dijalankan di luar negara seperti Jepun, China dan Indonesia mengajarnya untuk mengenal kehidupan masyarakat lain di dunia luar.

"Pada mulanya saya sukar untuk berinteraksi dan mengendalikan pelajar luar tetapi akhirnya kami bagaikan satu keluarga sehingga tidak terputus hubungan menyebabkan kami sering berkumpul di beberapa negara untuk berjumpa.

"Sejak itu, apabila pulang ke kampung saya tidak lagi disindir kerana mengikuti kursus 'berkebun', sebaliknya ada yang memanggil saya dengan gelaran Dr Nano," katanya kepada Metro Ahad.

Menurut pelajar yang beberapa kali merangkul Anugerah Kejujutan Dekan dan

Naib Canselor ini, gelaran Nano sudah diberikan sejak kecil lagi dan ia turut diguna pakai oleh keluarga, rakan dan pensyarah.

Katanya, meskipun sibuk dengan program penyelidikan di luar negara, dia akan menyusun semula pelajaran yang tertinggal dengan baik yang dibantu oleh dua lagi rakan baiknya.

"Rakan banyak membantu dari segi menyediakan nota dan menemani saya 'bertapa' di perpustakaan terutamanya apabila menjelang musim peperiksaan.

"Namun, semua bergantung kepada diri sendiri, jika kita berusaha bersungguh-sungguh hasilnya pasti berbaloi," kata anak keempat daripada lima beradik itu.

Menurut Syafiq yang bercita-cita menjadi seorang pegawai tadbir diplomatik,

kenangan paling manis dalam hidupnya apabila berkenalan dengan rakan baru di luar negara dan saling berkongsi ilmu.

Katanya, kursus Sains Pertanian bukan saja memberi peluang kepada pelajar untuk mampu membuka perniagaan tanaman sendiri malah membentuk menjadi pakar bagi meningkatkan hasil pertanian negara.

"Teknologi pengurusan penyakit dan perosak tanaman serta pertahanan tumbuhan berdaya saing dengan iklim masih lagi kurang, kita masih perlukan beberapa pakar tempatan.

"Oleh itu, bidang pertanian perlu dikembangkan lagi dari segi sains dan teknologi kerana ia sumber makanan bagi sesebuah negara," katanya.


Menurutnya, dia akan terus memperjuangkan industri pertanian meskipun kerjayanya tidak seiring dengan pendidikannya pada masa akan datang.



MOHAMAD Syafiq ketika di Seoul, Korea Selatan.



MOHAMAD Syafiq (kanan) ketika mengikuti program pertanian sebuah ladang di China.



KENANGAN Mohamad Syafiq ketika Projek ASEAN di Tokyo.

MOHAMAD Syafiq (baju putih) ketika pameran agrikultur di Universiti Tokyo.

